

12 APR 2000

Sukan-Badminton

LARIAN PIALA THOMAS-UBER 7 MEI SEBAGAI DORONGAN BAGI PASUKAN KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Gold Bridge Engineering and Construction Berhad, pemegang hak komersil pusingan akhir Piala Thomas-Uber Proton-EON 2000 akan menganjurkan larian di Dataran Merdeka pada 7 Mei bagi mendapatkan sokongan bagi pasukan Malaysia.

Larian itu merupakan kemuncak kepada kempen "Malaysia Boleh" yang sedang berlangsung. Kempen itu dilancarkan pada Februari.

Pengarah Gold Bridge Mustapha Hamid berkata larian itu bagi mewujudkan kesedaran lebih mendalam di kalangan penduduk ibu kota terhadap pusingan akhir Piala Thomas-Uber di Stadium Putra di Bukit Jalil di sini bulan depan.

"Kami berharap sekurang-kurangnya 5,000 orang akan menyertai larian itu bagi menunjukkan sokongan mereka kepada pasukan Piala Thomas kita," kata Mustapha.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberikan sokongan kepada acara itu dan dijangka menyampaikan hadiah kepada pemenang.

"Kami juga akan menyerahkan beribu-ribu tandatangan yang kami kumpulkan semasa kempen "Malaysia Boleh" itu kepada Perdana Menteri," katanya.

Mustapha berkata larian itu terbahagi kepada tujuh kategori -- Terbuka Lelaki, Veteran Lelaki Senior, Veteran Lelaki Junior, Terbuka Wanita, Veteran Wanita, Remaja Lelaki dan Remaja Perempuan.

Larian sejauh 7km itu menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM10,500.

Peserta yang menamatkan larian juga berpeluang menerima lencana kenang-kenangan khas dan kemeja T. Tiga telefon bimbit dan pelbagai hadiah menarik lain turut disediakan untuk cabutan bertuah bagi semua pelari berdaftar.

Yuran penyertaan ialah RM5 bagi kategori remaja lelaki dan remaja perempuan dan RM10 bagi semua kategori lain.

Tarikh tutup penyertaan ialah 26 April, dan borang boleh didapati di Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan.

-- BERNAMA

ZMA RHM MAI